Based on the total number of locally-manufactured products registered (n = 12,103) as presented in Table 5, 2,770 (22.9%) are prescription drugs, 3,454 (28.5%) OTC products, 5,560 (45.9%) traditional medicines and 319 (2.7%) cosmetics. For imported products, based on the total number registered (n = 15,256), 6,223 (40.8%) are prescription drugs, 3,242 (21.3%) OTC products, 4,334 (28.4%) traditional medicines and 1,457 (9.1%) cosmetics (Figure 3).



Sumber: Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
 Source : National Pharmaceutical Control Bureau




KEBENARAN EKSPORT

Pengeluaran sijil perakuan keluaran farmaseutikal [Certificates of Pharmaceutical Products (CPP)] dan sijil perakuan penjualan bebas [Certificates of Free Sale (CFS)] untuk alatan perubatan dan kosmetik telah bertambah sejak 1987 sehingga 2001. Sejumlah 2,131 CPP dan 1,551 CFS telah dikeluarkan pada tahun 2001 berbanding 2,478 CPP dan 1,719 CFS pada tahun 2000 (**Rajah 4**).

EXPORT AUTHORISATION

*Issuance of certificates of pharmaceutical products (CPP) and certificates of free sale (CFS) for medical devices and cosmetics for export authorisation had increased steadily since 1987 and 2001 respectively. A total of 2,131 CPP and 1,551 CFS had been issued in year 2001 compared to 2,478 CPP and 1,719 CFS in year 2000 (**Figure 4**).*



Sumber: Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Source : National Pharmaceutical Control Bureau

SUMBER PRODUK

10 negara pengeluar utama ialah China, Amerika Syarikat, Australia, Indonesia, Thailand, Jerman, India, Switzerland, Perancis dan Itali. Negara-negara ini meliputi lebih kurang 75% (9,433) daripada jumlah keluaran import. Produk yang diimport dari negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand, Singapura, dan Filipina meliputi hampir 14.6 % (1,841).

SOURCES OF PRODUCTS

The top 10 leading foreign sources include China, United States of America (USA), Australia, Indonesia, Thailand, Germany, India, Switzerland, France and Italy. Together they account for approximately 75% (9,443) of our total imports. Products imported from neighbouring ASEAN countries, which include Indonesia, Thailand, Singapore and Philippines constitute nearly 14.6% (1,841).

BAHAGIAN APB DAN PELESENAN

OBJEKTIF

Objektif utama bahagian ini ialah untuk memastikan premis-premis pengilang keluaran farmaseutikal dan ubat-ubatan tradisional mematuhi keperluan Amalan Perkilangan Baik (APB). Bahagian ini juga bekerjasama dengan Unit Penguatkuasaan Farmasi Negeri (UPFN) dalam memastikan premis pengimport dan pemborong mematuhi keperluan Amalan Penstoran Baik (ASB).

AKTIVITI

Bahagian ini menjalankan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

- Memeriksa premis pengilang, pengimport dan pemborong keluaran-keluaran berdaftar.
- Memproses permohonan dan mengeluarkan lesen pengilang, pengimport dan pemborong keluaran-keluaran berdaftar.
- Mengeluarkan senarai tambahan keluaran-keluaran berdaftar.
- Menilai pelan susun-aturn premis pengilang keluaran berdaftar.
- Memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada industri berkenaan dalam aspek APB, ASB dan pelesenan.
- Menganjur kursus latihan APB untuk industri farmaseutikal dan tradisional serta pelawat-pelawat luar negara.
- Mengadakan perbincangan teknikal dengan industri farmaseutikal untuk meningkatkan tahap APB premis pengilang tempatan.
- Mengumpul maklumat berkaitan industri farmaseutikal dan tradisional.
- Mengeluarkan perakuan APB dan mengesahkan salinan dokumen-dokumen berkaitan lesen.

PENCAPAIAN

Pemeriksaan APB

Sebanyak 126 pemeriksaan APB telah dijalankan pada tahun 2001 berbanding 126 pada tahun 2000 dan 120 pada tahun 1999. Pemeriksaan tersebut meliputi 61 premis pengilang keluaran racun, 19 keluaran bukan racun, 45 ubat tradisional dan 1 kosmetik. **Rajah 1** menunjukkan statistik pemeriksaan APB bagi tahun 1995 hingga 2001.

GMP AND LICENSING DIVISION

OBJECTIVES

The main objective of this division is to ensure that pharmaceutical and traditional medicine manufacturing premises adhere to the requirement of Good Manufacturing Practice (GMP). This division also co-operates with the State Pharmacy Enforcement Units to ensure that the premises of importers and wholesalers adhere to Good Storage Practice (GSP).

ACTIVITIES



This division carries out the following activities:

- Inspection of premises for manufacturers, importers and wholesalers of registered products.
- Processing of licence application for manufacturers, importers and wholesalers of registered products.
- Issuance of additional lists of registered products.
- Evaluation of lay-out plans for manufacturing premises for registered products.
- Advisory service to relevant industries on technical aspects regarding GMP, GSP and licensing.
- Provide training courses for pharmaceutical and traditional medicines industries and also overseas visitors.
- Technical discussion with pharmaceutical industries to upgrade the GMP standard of local manufacturing premises.
- Collection of information related to pharmaceutical and traditional industries.
- Issuance of GMP certificates and endorsement of licence related documents.

ACHIEVEMENTS

GMP Inspection

A total of 126 inspections were conducted in 2001 as compared with 126 in 2000 and 120 in 1999. These inspections included 61 premises for scheduled poison manufacturers, 19 non-scheduled poison manufacturers, 45 traditional medicines and 1 cosmetic. **Figure 1** shows the number of GMP inspections carried out since 1995 until 2001.



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Source : National Pharmaceutical Control Bureau

Penilaian Pelan Premis Pengilang

Sejumlah 35 pelan susun-atur premis pengilang baru dan sediaada telah dinilai, termasuk 7 premis pengilang keluaran racun, 9 keluaran bukan racun, 13 ubat tradisional, 3 kosmetik dan 3 lain-lain.

Evaluation of Manufacturing Premises Lay-out Plans

A total of 35 lay-out plans for new and existing manufacturing premises were evaluated, which included 7 premises of scheduled poisons manufacturers, 9 non-scheduled poison, 13 traditional medicines, 3 cosmetics and 3 others.

Status Perkembangan Premis Berlesen


Status perkembangan premis-premis pengilang, pengimport dan pemborong berlesen bagi tahun 1987 hingga 2001 adalah seperti yang dipaparkan dalam **Rajah 2**. Pada tahun 2001, jumlah pengilang berlesen ialah 227, pengimport 315 dan pemborong 722, menjadikan jumlah besar adalah 1,264.

Growth Status of Licensed Premises.


Growth status of licensed premises for manufacturers, importers and wholesalers for the year 1987 until 2001 are shown in **Figure 2**. In 2001, there were 227 licensed manufacturers, 315 licensed importers and 722 licensed wholesalers contribute to 1264 in total.



Senarai serta maklumat lengkap mengenai premis-premis berlesen boleh dilayari menerusi laman web BPFK (www.bpfk.gov.my).

List and detail information on licensed premises can be browsed via NPCB homepage at www.bpfk.gov.my. Information is updated monthly.



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Source : National Pharmaceutical Control Bureau





Sumber: Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Source : National Pharmaceutical Control Bureau

Taburan Geografi Premis Berlesen

Taburan geografi premis-premis berlesen bagi tahun 2001 adalah seperti yang digambarkan dalam **Rajah 3**. Negeri Selangor mempunyai premis berlesen yang paling banyak, diikuti oleh Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) dan Pulau Pinang di tempat ketiga.

Geographical Distribution of Licensed Premises.


Geographical distribution of licensed premises for the year 2001 is illustrated in **Figure 3**. Selangor scored the highest number of licensed premises, followed by Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) and Pulau Pinang at the third place.

Kategori Pengilang Berlesen


Kategori premis pengilang berlesen bagi tahun 2001 adalah seperti yang dipaparkan dalam **Rajah 4**. Negeri selangor mempunyai bilangan premis pengilang yang tertinggi diikuti oleh Johor dan Pulau Pinang.

Categories of Licensed Manufacturing Premises

Categories of licensed manufacturing premises for the year 2001 are illustrated in **Figure 4**. Selangor scored the highest number of licensed manufacturing premises, followed by Johor and Pulau Pinang.



Sumber: Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Source : National Pharmaceutical Control Bureau




Kadar Pertumbuhan Premis Berlesen

Kadar pertumbuhan premis berlesen adalah seperti yang digambarkan dalam **Rajah 5**. Bagi tahun 2001, pengimport menunjukkan kadar pertumbuhan yang paling tinggi berbanding pengilang dan pemborong. Pada keseluruhannya, kadar pertumbuhan yang dicatatkan ialah 3.9% berbanding 7.5% pada tahun 2000.

Growth Rate of Licensed Premises

Growth rate of licensed premises are illustrated in **Figure 5**. In 2001, importer shows the highest growth rate as compared to manufacturer and wholesaler. As a whole, recorded growth rate was 3.9% compared to 7.5% in year 2000.




Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
 Source : National Pharmaceutical Control Bureau

Khidmat Nasihat

Bagi tahun 2001, sebanyak 125 khidmat nasihat telah diberikan berbanding 210 pada tahun 2000, 196 pada tahun 1999, 185 pada tahun 1998 dan 140 pada tahun 1997. Daripada jumlah yang dicapai, 13 daripadanya adalah berkaitan APB keluaran racun, 15 keluaran bukan racun, 73 ubat tradisional, 17 kosmetik dan 7 lain-lain. Statistik bagi tahun 1997 hingga 2001 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 6**.

Advisory Service

In 2001, a total of 125 advisory services were given compared to 210 in 2000, 196 in 1999, 185 in 1998 and 140 in 1997. From these numbers of achievements, 13 of them were related to GMP scheduled poison, 15 non-scheduled poison, 73 traditional medicine, 17 cosmetic and 7 others. Statistics for the year 1997 until 2001 is illustrated in **Figure 6**.



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
 Source : National Pharmaceutical Control Bureau

PEMROSESAN LESEN

Lesen Pengilang

Sebanyak 247 lesen pengilang telah diproses pada tahun 2001 berbanding 289 pada tahun 2000, 237 pada tahun 1999, 148 pada tahun 1998 dan 100 pada tahun 1997. Daripada jumlah ini, 26 adalah permohonan baru manakala 221 lagi adalah pembaharuan.

lesen Pengimport

Bagi lesen pengimport, sebanyak 330 permohonan telah diterima dan diproses. Daripada jumlah ini, 41 daripadanya adalah permohonan baru dan 289 adalah pembaharuan. Bilangan permohonan didapati telah menurun berbanding 424 pada tahun 2000, 305 pada tahun 1999, 255 pada tahun 1998 dan 171 pada tahun 1997. Bilangan permohonan yang diterima telah menurun sebanyak 22.2% daripada tahun sebelumnya.

Lesen Pemborong

Bilangan permohonan lesen pemborong yang diproses adalah sebanyak 774, di mana 73 daripadanya adalah permohonan baru dan 701 adalah pembaharuan. Bilangan permohonan yang diproses telah meningkat 6.3% berbanding tahun 2000.

LICENCE PROCESSING

Manufacturer's Licence


A total of 247 manufacturer's licences were processed in 2001 compared to 289 in 2000, 237 in 1999, 148 in 1998 and 100 in 1997. From this total number, 26 are new applications whereas the remaining 221 are renewals.

Importer's Licence

A total of 330 applications were received and processed for import licence. From this total, 41 applications are new applications and 289 are renewal. The number of applications has decreased significantly, compared to 424 in 2000, 305 in 1999, 255 in 1998 and 171 in 1997. The number of application has decreased by 22.2 % from the previous year.

Wholesaler's Licence

The number of application processed for wholesaler's licence was 774, whereby 73 were new applications and 701 renewals. The number of applications processed increased by 6.3% as compared in 2000.




Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Source : National Pharmaceutical Control Bureau

Senarai Tambahan Keluaran Berdaftar


Jumlah permohonan yang diproses pada tahun 2001 adalah sebanyak 255 dan ini meliputi sebanyak 937 produk. Pada tahun 2000, jumlah permohonan adalah sebanyak 299 dan melibatkan 1,228 produk berbanding 314 permohonan yang melibatkan 1,928 produk pada tahun 1999 dan 343 permohonan melibatkan 1,844 produk pada tahun 1998. **Rajah 8** menunjukkan statistik bagi pengeluaran senarai tambahan produk untuk tahun 1998 hingga 2001.

Additional Lists for Registered Products

The total number of applications processed in 2001 was 255 and these include 937 products. In 2000, the number of applications was 299 and these include 1,228 products compared with 314 applications and 1,928 products in 1999, 343 applications and 1,844 products in 1998. **Figure 8** shows statistic for issuance of additional registered product list for the year 1998 until 2001.



Rajah 8 : Senarai Tambahan Keluaran Berdaftar
Figure 8 : Issuance Of Additional Registered Product List
 1998 - 2001



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
 Source : National Pharmaceutical Control Bureau


Pertukaran Pemegang Lesen

Bagi tahun 2001, sebanyak 24 permohonan pertukaran pemegang lesen telah diproses di mana 3 adalah untuk pengilang, 8 pengimport dan 13 pemborong. Bilangan yang dicapai telah meningkat 4.3% berbanding tahun 2000. Statistik bagi permohonan pertukaran pemegang lesen bagi tahun 1998 hingga 2001 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 9**.



Change of Licence Holder.

*In 2001, a total of 24 applications for change of licence holder were processed, whereby 3 were manufacturers, 8 importers and 13 wholesalers. The number of achievements was increased to 4.3% as compared in 2000. Statistics for change of holder for the year 1998 until 2001 is illustrated in **Figure 9**.*

Rajah 9 : Permohonan Pertukaran Pemegang Lesen
Figure 9 : Application for Change of Holder
 1998 - 2001



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
 Source : National Pharmaceutical Control Bureau




Perakuan APB Untuk Tujuan Eksport

Pada tahun 2001, jumlah perakuan APB yang dikeluarkan adalah sebanyak 151 berbanding 181 pada tahun 2000, 101 pada tahun 1999, 124 pada tahun 1998 dan 80 pada tahun 1997. Perakuan ini adalah untuk negara-negara seperti Albania, Barbados, Botswana, Brazil, Brunei, Bulgaria, Kemboja, China, Costa Rica, Denmark, Mesir, Ethiopia, Honduras, Hong Kong, India, Iraq, Jordan, Kenya, Korea, Kuwait, Laos, Libya, Lithuania, Malawi, Maldives, Malta, Mauritius, Mexico, Morocco, Myanmar, New Zealand, Nigeria, Oman, Papua New Guinea, Filipina, Poland, Arab Saudi, Sierra Leone, Singapura, Slovakia, Sri Lanka, Afrika Selatan, Surinam, Taiwan, Tanzania, Thailand, Turki, Uganda, Venezuela, Vietnam, Yaman dan Zambia.

GMP Certification

In 2001, the total number of GMP certificates issued was 151, as compared with 181 in 2000, 101 in 1999, 124 in 1998 and 80 in 1997. These certifications are for countries such as Albania, Australia, Barbados, Botswana, Brazil, Brunei, Bulgaria, Cambodia, China, Costa Rica, Denmark, Egypt, Ethiopia, Honduras, Hong Kong, India, Iraq, Jordan, Kenya, Korea, Kuwait, Laos, Libya, Lithuania, Macau, Malawi, Maldives, Malta, Mauritius, Mexico, Morocco, Myanmar, New Zealand, Nigeria, Oman, Papua New Guinea, Philippines, Poland, Saudi Arabia, Sierra Leone, Singapore, Slovakia, Sri Lanka, South Africa, Sudan, Suriname, Taiwan, Tanzania, Thailand, Turkey, Uganda, Venezuela, Vietnam, Yemen, and Zambia.

Rajah 10 : Permohonan Perakuan Amalan Perkilangan Baik (APB)
Figure 10 : Application of Good Manufacturing Practice (GMP) Certificates
1997 - 2001



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Source : National Pharmaceutical Control Bureau

Tindakan Punitif

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah menggantung sementara lesen pengilang bagi 2 premis pada tahun 2001 berbanding 4 pada tahun 2000, 5 pada tahun 1999, 3 pada tahun 1998 dan 6 pada tahun 1997.

Punitive Actions

DCA has temporarily suspended manufacturer's licences or part of manufacturing lines for two premises in 2001 compared with 4 in 2000, 5 in 1999, 3 in 1998 and 6 in 1997.

TWG GMP

Kumpulan kerja teknikal (TWG) GMP telah menganjurkan 4 bengkel latihan APB bercorak modul untuk industri farmaseutikal. Bidang-bidang yang diliputi adalah seperti berikut :

TWG GMP

The GMP Technical Working Group (TWG) has conducted four training workshop in GMP modular for local pharmaceutical industries (similar modules as in the previous year). The modules carried out were:

Module 1 – Quality Assurance and GMP Auditing

Module 2 – GMP Documentation and Records

Module 3 – Introduction to Good Laboratory Practices

Module 4 – GMP for Utilities & Services

Seminar APB

Latihan dokumentasi untuk pengilang ubat tradisional telah diadakan di Langkawi, Kedah pada 25 – 26 April 2001 dengan dibantu oleh PURBATAMA Northern Branch. Satu seminar mengenai 'Current Good Manufacturing Practices for Pharmaceuticals' juga telah diadakan. Seminar ini dikendalikan oleh Mr. Alan Duff, juruaudit dari TGA Australia dengan kerjasama MOPI (Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries).

Permohonan Untuk Menjadi Ahli PIC/S

Pada 12 – 16 Mac 2001, satu delegasi seramai enam juruaudit dari PIC/S, yang diketuai oleh pengerusinya, Mr. Bob Tribe, Mr. Daniel Brunner dan delegasi dari United Kingdom, Switzerland, Republik Slovak dan Singapura telah datang untuk menilai Sistem Kualiti APB dan prosedur pemeriksaan. Delegasi tersebut juga telah membuat pemerhatian ke atas juruaudit APB (BPFK) semasa pengauditan empat premis kilang. Secara keseluruhannya, para juruaudit berpuas hati dengan sistem kualiti dan mutu pengauditan yang dilakukan. Walaubagaimanapun, masih terdapat sedikit kelemahan yang perlu diperbaiki dan diambil tindakan sebelum diterima menjadi ahli PIC/S.

Dalam 'Mesyuarat Rasmi Jawatankuasa PIC/S' di Prague, Republik Czech pada 21 – 25 Mei 2001, mereka mengambil keputusan untuk menerima Malaysia sebagai ahli PIC/S mulai 1 Januari 2002, dengan syarat Malaysia haruslah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki semua kelemahan yang dikenalpasti melalui audit terdahulu.

Audit susulan telah dijalankan oleh dua juruaudit yang diketuai oleh Mr. Bob Tribe, pengerusi PIC/S dan Mr. Sia dari Singapura

Module 1 – Quality Assurance and GMP Auditing

Module 2 – GMP Documentation and Records

Module 3 – Introduction to Good Laboratory Practices

Module 4 – GMP for Utilities & Services

GMP Seminar

Documentation training for traditional medicine manufacturers was conducted in Langkawi, Kedah on 25 – 26 April 2001 with the assistance of PURBATAMA Northern Branch, for traditional manufacturers. A seminar on Current Good Manufacturing Practices for pharmaceuticals was also conducted by Mr. Alan Duff, Senior Auditor of TGA Australia with the co-operation of Malaysia Organization of Pharmaceutical Industries (MOPI).

Application of Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme - PIC/S Membership

On 12 – 16 March 2001, a delegate of six auditors from PIC/S, lead by its chairman Mr. Bob Tribe, PIC/S Secretary, Mr. Daniel Brunner and delegates from United Kingdom, Switzerland, Slovak Republic and Singapore evaluated our GMP Quality System and inspection procedures. The delegates observed our GMP auditors during the auditing of four manufacturing premises. Overall they were quite satisfied with our quality system and the standard of auditing but there were still some weaknesses that we had to improve and take action before we become a member.

During the PIC/S Committee of Official Meeting in Prague, Czech Republic on 21 - 25 May 2001, the committee decided to admit Malaysia as a member of PIC/S from 1 January 2002, provided that Malaysia take the necessary action on all the weaknesses from previous audit.

Follow-up audit by a delegate of two auditors lead by Mr. Bob Tribe, chairman of PIC/S and Mr. Sia from Singapore. Our auditors conducted the

semasa juruaudit BPFK mengendalikan pemeriksaan ke atas dua premis. Mereka amat berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki kelemahan serta peningkatan dalam tahap/mutu pengauditan tersebut.

Dalam 'Mesyuarat Rasmi Jawatankuasa PIC/S Ke-13' di Geneva pada 27 dan 28 November 2001, pengerusi PIC/S dengan rasminya telah mengumumkan bahawa Malaysia telah diterima sebagai ahli PIC/S yang ke-26 mulai 1 Januari 2002.

Garis panduan APB Kosmetik

Draf akhir 'Garis panduan APB Kosmetik' telah dibincangkan ketika 'ASEAN Consultative Committee for Standard and Quality (ACCSQ) Cosmetic Product Working Group' di Ho Chi Minh, Vietnam. Anggota ASEAN telah bersetuju untuk menggunakannya sebagai 'Garis panduan Kosmetik ASEAN'.

Seminar Mengenai Pendaftaran Kosmetik

Bahagian ini juga terlibat dalam seminar yang dianjurkan bersama dengan Unit Kosmetik untuk memupuk kesedaran mengenai keperluan pendaftaran, Amalan Perkilangan Baik (APB) untuk kosmetik dan dokumentasi lain. Ia meliputi Sabah dan Sarawak.

Juruaudit Kontrak

Latihan APB telah disediakan kepada Pegawai Penguatkuasa, Unit Penguatkuasa Negeri yang seterusnya akan dilantik sebagai juruaudit kontrak. Kerjasama dengan Unit Penguatkuasa Negeri telah dipertingkatkan melalui pemeriksaan bersama yang dijalankan ke atas pengilang ubat tradisional, farmaseutikal dan OTC.

PERANCANGAN UNTUK TAHUN 2002

Latihan APB Farmaseutikal Bercorak Modul

Program latihan APB bercorak modul akan bermula pada Februari dan berakhir pada Jun 2002. Program ini dikelola bersama dengan MOPI.

audit on two premises. They were very impressed and satisfied with the actions taken on the weaknesses and improvements on the standard of the audit.

On the 13th PIC/S Committee Official Meeting in Geneva on 27 and 28 November 2001, the Chairman officially announced that Malaysia is accepted as 26th member of PIC/S starting from 1 January 2002.

Cosmetic GMP Guidelines

The final draft of Cosmetic GMP Guidelines was discussed during ASEAN Consultative Committee for Standard and Quality (ACCSQ) Cosmetic Product Working Group in Ho Chi Minh City, Vietnam. Principly ASEAN members agreed to adopt it as ASEAN Cosmetic Guidelines.

Cosmetic Registration Awareness Road Show

This division was also involved in the road show together with Cosmetic Unit to create the awareness on the requirement of registration, requirement of GMP for cosmetic and other documentation. It covered central, northern, southern region, Sarawak and Sabah.


Contract Auditor

GMP training was provided to chosen Enforcement Officers of the State Enforcement Unit who were later appointed as Contract Auditors. The co-operation with the State Enforcement Unit was enhanced by joint inspection in the pre-licensing inspection of traditional medicine manufacturers, pharmaceutical and over-the-counter (OTC) manufacturers.

PLANS FOR YEAR 2002.

GMP Modular Training

The GMP modular training will start in February and ends in June 2002. This program is jointly organized with MOPI.



Module 5 – GMPs for Equipment, Cleaning and Computerized System

Module 6 – Process Validation, Plan and Protocol

Module 7 - Facility, Materials and Environment Control

Module 8 - Process Control- Manufacturing and Packaging

Module 9 - Staff Development and GMP Training

Pusat Industri Farmaseutikal

Menjalankan pengubahsuaian terakhir ke atas Pusat Industri Farmaseutikal dan melengkapkan infrastruktur pusat ini dengan perabot dan bahan-bahan pameran. Setelah lengkap, pusat ini akan menjadi pusat rujukan bagi semua pengilang-pengilang.

Keahlian PIC/S

Oleh kerana Malaysia akan menjadi ahli PIC/S menjelang 1 Januari 2002, BPFK akan terlibat di dalam pelbagai aktiviti PIC/S seperti mesyuarat, seminar, bengkel latihan, pemeriksaan bersama dan sebagainya. Sebagai ahli baru, Malaysia digalakkan untuk menyertai seberapa banyak aktiviti yang dianjurkan bagi memastikan bahawa Malaysia memainkan peranan yang aktif sebagai ahli PIC/S.

Bengkel Dokumentasi APB untuk Pengilang Ubat Tradisional

Bengkel mengenai dokumentasi sangat berguna kepada pengilang-pengilang ubat tradisional. Pertubuhan atau badan-badan berkenaan akan diminta untuk bersama-sama mengelolakan bengkel-bengkel tersebut untuk ahli-ahli mereka dan lain-lain.

ASEAN Pharmaceutical Harmonization

Sebagai ahli negara-negara ASEAN, Malaysia telah menyumbang dan memainkan peranan yang aktif di dalam "harmonization of ASEAN Pharmaceutical". Sebagai ahli PIC/S pula, Malaysia akan memainkan peranannya dalam memastikan bahawa keperluan semasa APB selaras dengan garispanduan antarabangsa.

Module 5 – GMPs for Equipment, Cleaning and Computerized System

Module 6 – Process Validation, Plan and Protocol

Module 7 - Facility, Materials and Environment Control

Module 8 - Process Control- Manufacturing and Packaging

Module 9 - Staff Development and GMP Training

Pharmaceutical Industry Centre

To carry out final renovation of the Pharmaceutical Industry Centre, to equip the centre with furniture and exhibits. When completed, the centre will be a reference centre for manufacturers.

PIC/S Members



As Malaysia will be a member of PICIS by 1 January 2002, we will be involved in a lot of PICIS activity such as meetings, seminars, training, joint inspections and others. Malaysia as a new member is encouraged to join as many activities as possible to ensure that we play an active role as a member.

GMP Documentation Workshop for Traditional Medicines Manufacturers

The workshop on documentation will be very useful for traditional medicine manufacturers. The respective organization or bodies will be asked to jointly organize the workshops for their members and others.

ASEAN Pharmaceutical Harmonization

Malaysia as a member of ASEAN Nation had contributed and plays an active part in the harmonization of ASEAN Pharmaceutical. As a member of PICIS, Malaysia will play its part in ensuring that the current GMP requirement will harmonize with the international guidelines.



BAHAGIAN SURVEILANS DAN FARMAKOVIGILANS

OBJEKTIF

Objektif Bahagian Surveilans dan Farmakovigilans adalah untuk memastikan secara berterusan bahawa semua keluaran yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah adalah selamat, berefikasi dan memenuhi tahap kualiti yang diiktiraf.

PENCAPAIAN

Secara kesimpulan, pencapaian bahagian ini terbahagi kepada tiga aktiviti utama iaitu surveilans rutin, penyiasatan ke atas aduan mengenai produk dan pemantauan profil keselamatan produk seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 1.

SURVEILLANCE & PHARMACOVIGILANCE DIVISION


OBJECTIVES

The objectives of the Surveillance and Pharmacovigilance Division are to ensure that products registered by the Drug Control Authority (DCA) are safe, efficacious and meet the established standards of quality.

ACHIEVEMENTS

The achievements of this division are summarised under the three main activities conducted i.e. routine surveillance, investigation of product complaints and the monitoring of the safety profile of products as shown in Fig.1.

Figure 1 : Workload under the activities of surveillance, investigation of products complaints of activities and ADR monitoring



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Source : National Pharmaceutical Control Bureau

SURVEILANS


Untuk tahun 2001, 1487 sampel keluaran berdaftar di Malaysia telah diambil untuk surveilans. Walaupun ini hanya mewakili 5.5% jumlah produk yang berdaftar dibawah PBKD, ia memberi satu petanda ukur yang memuaskan terhadap kualiti produk yang terdapat di dalam pasaran tempatan.

Kesemua sampel yang diambil dibawah program surveilans ini dihantar ke Bahagian Analisis Ubat untuk dianalisa. Ujian ke atas produk yang mengandungi racun berjadual (ubat preskripsi) dan persediaan bukan racun dijalankan mengikut protokol analisa terkini yang dikemukakan oleh pengilang. Ujian ke atas ubat-ubatan tradisional dijalankan berpandukan ujian yang ditetapkan, contohnya, ujian-ujian untuk pencemaran mikrob dan kulat, logam berat serta ujian-ujian farmaseutikal asas.

SURVEILLANCE

During the year 2001, a total of 1487 registered products were sampled for quality testing. Although this represents only approximately 5.5% of the total number of products registered by the DCA, it gives a fairly good reflection of the quality of products available on the local market.

All the samples picked up under the surveillance program were sent to the Drug Analysis Division for testing. Testing of products containing scheduled poisons (prescription drugs) and over-the-counter drugs were carried out in accordance to the latest protocols of analysis supplied by the manufacturers. Testing of traditional medicines was done in line with the established tests for this group of products i.e. testing for microbial and fungal contamination, heavy metals and basic test pharmaceutical tests.



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
 Source : National Pharmaceutical Control Bureau

Disebabkan lebih dari tahun sebelumnya, keputusan daripada makmal adalah untuk 1536 keluaran. Analisis kadar kegagalan keluaran yang telah diuji berdasarkan kategori keluaran ditunjukkan pada **Gambarajah 2**.

*Due to a spillover from the previous year, results were received from the laboratory for 1536 products. An analysis of the failure rate of products tested by category of products is shown in **Fig.2**.*

PANGGILBALIK

RECALLS

Bukan kesemua produk yang gagal ujian makmal memerlukan panggilanbalik. Sekiranya kegagalan ujian tersebut tidak mempengaruhi kualiti produk secara ketara, surat amaran dikemukakan kepada pemegang pendaftaran. Arahan telah dikeluarkan untuk membuat panggilanbalik terhadap 100 kelompok keluaran dimana 9 adalah keluaran racun berjadual, 6 persediaan bukan racun dan 85 keluaran tradisional. 22 keluaran lagi (13 – racun; 7 – bukan racun; 2 – tradisional) telah dipanggilbalik secara sukarela oleh pemegang pendaftaran keluaran berdasarkan aduan yang diterima terhadap keluaran tersebut.

*Not all products which fail the laboratory tests are required to be recalled. Where the tests failed are deemed not to significantly affect the quality of products, warning letters are issued to the registration holders. Instructions were issued for the recall of 100 batches of products of which 9 were products containing scheduled poisons, 6 were over-the-counter preparations and 85 were traditional medicines. 22 other products (13 - poisons; 7 - OTC; 2 - traditional) were recalled voluntarily by the product registration holders mainly based on product complaints (**Table 1**).*

Tiada panggilanbalik yang begitu serius yang menghendaki panggilanbalik Paras I atau II. Semua panggilanbalik adalah panggilanbalik Paras III, Tahap B iaitu dilakukan dalam tempoh 30 hari dan sehingga tahap peringkat penjualan/pembekalan kepada pelanggan.

There were no recalls which were serious enough to warrant a Degree I or Degree II recall. All recalls were Degree III recalls i.e. carried out over period of 30 days and were done up to Level B which is up to the point of distribution.

Table 1: Product Recalls (directive + voluntary)

| Year | 1996 | 1997 | 1998 | 1999 | | | 2000 | | | 2001 | | |
|----------------------|------|------|------|------|----|----|------|----|----|------|----|----|
| Total No. of Recalls | 37 | 32 | 93 | 148 | | | 148 | | | 122 | | |
| Category (A/X/T) | NA | NA | NA | 35 | 20 | 93 | 32 | 17 | 99 | 22 | 13 | 87 |

A=Poisons; X=OTC; T=Traditional

ADUAN TERHADAP KELUARAN BERDAFTAR

Bilangan aduan terhadap keluaran berdaftar bertambah ke 124 Keluaran aduan dalam tahun 2001 berbanding 110 aduan dalam tahun 2000.

Tindakan susulan telah diambil untuk menyelesaikan aduan-aduan ini dalam tempoh 6 minggu dalam lebih dari 90% kes.

PEMONITORAN ADR

Terdapat sedikit peningkatan dalam jumlah laporan kesan advers ubat yang diterima dalam tahun 2001, iaitu sebanyak 811 laporan berbanding dengan 794 laporan dalam tahun 2000 (**Gambarajah 3**).


PRODUCT COMPLAINTS

The number of product complaints for registered products increased in 2001 with a total of 124 complaints being received as compared to 110 in the previous year.

Action was taken to resolve these complaints within 6 weeks in more than 90% of the cases.

ADR MONITORING


The number of adverse drug reactions reports received increased slightly in 2001 as a total of 811 reports were received as to 794 in 2000 (**Fig. 3**).




Sumber: Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Source : National Pharmaceutical Control Bureau

Bilangan laporan yang diterima daripada pelbagai negeri ditunjukkan pada **Gambarajah 4** dengan jumlah laporan tertinggi yang dihantar adalah dari Hospital Kuala Lumpur dan negeri Selangor.


The reporting rate of the various states is as shown in **Figure 4** with the highest number of reports being submitted from the Kuala Lumpur General Hospital and from the state of Selangor.



ANALYSIS OF ADRs BY REPORTING STATES



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
 Source : National Pharmaceutical Control Bureau









Fig. 5: Analisa Laporan ADR Berdasar Kepada Pelapor (Analysis of ADR Reporters)



Sumber: Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
 Source : National Pharmaceutical Control Bureau





Usaha telah dijalankan untuk menggalakkan penglibatan daripada pelbagai bidang untuk mempertingkatkan kadar laporan ADR di mana sebelum ini banyak bergantung kepada doktor dari sektor awam.

PERJAWATAN

Terdapat beberapa perubahan ketara dalam perjawatan di bahagian ini. Oleh kerana kenaikan pangkat, Pn. Nik Noriah Nik Hussein telah meninggalkan bahagian ini manakala En. Kamaruzaman melanjutkan pendidikan dengan mengikuti program Ijazah Kedoktoran.

Pn. Mazlin Mastar, Pn. Sathikala dan Pn. Suriani Ibrahim menyertai bahagian ini untuk menggantikan pegawai-pegawai tersebut serta untuk mengisi satu jawatan yang baru dibentuk akibat bebanan kerja yang kian meningkat.

LATIHAN

Selaras dengan hasrat Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan untuk melaksanakan sistem kualiti sejajar dengan standard ISO 9001, pegawai-pegawai farmasi bahagian ini telah diberikan latihan dalam ISO 9001.

Sejajar dengan pelaksanaan pendaftaran untuk barangan kosmetik, pegawai-pegawai farmasi bahagian ini turut menyertai Bengkel Pendaftaran Kosmetik yang dikendalikan bersama oleh BPFK dan industri kosmetik.

Pn. Abida Haq telah menyertai "DIA-TGA Fellowship Program on Post-Market Vigilance of Therapeutic Goods" di Australia selama 10 hari.

PRESENTAS

Selaras dengan polisi Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan untuk memberi latihan kepada industri dan menyebarkan maklumat kepada pengguna terakhir, bahagian ini terlibat di dalam penyampaian beberapa kertas pada pelbagai forum dalam topik berkaitan dengan surveilans dan pemantauan keselamatan ubat.

Pn. Abida Haq juga telah memberi satu presentasi bertajuk "Monitoring Traditional Medicines: The Malaysian Experience" pada mesyuarat "24th Annual Meeting of National Centres Participating in the WHO Program for Drug Safety Monitoring" di New Zealand.

PERANCANGAN

Selain dari surveilans rutin, bahagian surveilans juga merancang untuk menjalankan surveilans berdasarkan isu-isu khusus contohnya 'pengskrinan' ubat-ubatan tradisional untuk adulterasi.

Program latihan ADR khususnya untuk hospital sedang dirancang demi mempertingkatkan pelaporan ADR daripada hospital dan meningkatkan penglibatan farmasi hospital dalam program ini.

Efforts were made to encourage a multidisciplinary approach to improve the reporting rate of ADRs which previously relied mainly on doctors in the public sector. In 2001, there was a slight increase in the number of ADRs reported by doctors from the private sector. Unfortunately, the number of ADRs reported by doctors from government hospitals decreased slightly but there was a slight increase in the number of reports submitted by pharmacists. There was no significant difference in the monitoring of ADRs by pharmaceutical industry in 2001 as compared to 2000 (Fig.5).

STAFFING

The year 2001 saw some changes in this division with several significant changes to staffing. Pn. Nik Noriah Nik Husein left the division as a result of a promotion and Mr. Karamuzaman left to do a PhD.

Pn. Mazlin Mastar, Pn. Sathikala and Pn. Suriani Ibrahim joined this division to replace the officers who left and to fill a new post which was created in view of the increasing workload.

TRAINING

As the National Pharmaceutical Control Bureau was to implement a quality system in compliance to ISO 9001 standards, the pharmacists under this division were given training on ISO 9001.

In view of the implementation of the registration for cosmetics, the pharmacists also attended the Cosmetic Registration road shows which were conducted jointly by NPCB and the cosmetics industry.

Pn. Abida Haq attended the DIA-TGA Fellowship Program on Post-Market Vigilance of Therapeutic Goods in Australia.

PRESENTATIONS


In line with the National Pharmaceutical Control Bureau's policy to provide training for the industry and to disseminate information to end-users, this division was involved in presenting several papers at various forums on topics pertaining to surveillance and drug safety monitoring.

Pn. Abida Haq also gave a presentation entitled "Monitoring Traditional Medicines: the Malaysian Experience" during the 24th Annual Meeting of National Centres Participating in the WHO Program for Drug safety Monitoring in New Zealand.

FUTURE PLANS

Besides the routine surveillance of registered products, the surveillance division plans to conduct surveillance based on specific issues such as screening of selected traditional medicines for adulteration.

An ADR training program especially for hospitals is being planned in a move to improve the reporting of ADRs from hospitals and also to increase the involvement of hospital pharmacists in this program.



BAHAGIAN ANALISIS UBAT

PENGAWALAN MUTU UBAT

Bahagian Analisis Ubat (BAU) meneruskan peranan yang efektif dalam kawalan kualiti produk yang merupakan satu komponen penting dalam penilaian produk farmaseutikal. Produk yang diterima merangkumi produk untuk permohonan pendaftaran, pengawalan mutu ubat di pasaran ke atas keluaran berdaftar, kes-kes aduan untuk keluaran berdaftar dan sampel dari penguatkuasaan. Ujian yang dijalankan meliputi ujian-ujian kimia, fizikal, mikrobiologi, farmakologi dan toksikologi, yang merangkumi berbagai-bagai jenis ujian seperti ujian identifikasi, berbagai jenis ujian had, penentuan kandungan bahan dalam produk dan juga penelitian kepada pelbagai parameter prestasi dosis. Kriteria untuk penerimaan keputusan ujian berasaskan kepada farmakopia, spesifikasi dalaman atau had/spesifikasi pengilang yang diluluskan.

PENCAPAIAN

Pencapaian BAU bagi tahun 2001 adalah seperti berikut:

BEBAN KERJA

Pengujian sampel

Sepanjang tahun 2001, BAU telah menguji sebanyak 4,626 sampel (**Rajah A**) dan menjalankan 28,096 ujian (**Rajah B**). Berbanding dengan pencapaian di tahun 2000, bilangan sampel yang diuji telah menurun sebanyak 16.5% sementara bilangan ujian yang dilakukan juga menurun sebanyak 17.7%.

DRUG ANALYTICAL DIVISION

QUALITY CONTROL

